



UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PELANCARAN LOGO DAN TEMA
SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA TAHUN 2025**

**22 JANUARI 2025
4:00 PETANG – 5:00 PETANG
DEWAN PERDANA NUR, KPWK**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Perpaduan, Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala, kerana pada hari ini, kita dapat bersama-sama bertemu dan berkumpul dalam **Majlis Pelancaran Logo dan Tema Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2025.**

PENGHARGAAN

2. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini termasuk rakan-rakan media kerana kehadiran tuan-tuan dan puan-puan **membuktikan** komitmen yang teguh untuk **sentiasa menyokong agenda pemerkasaan wanita**. Hal ini juga merupakan satu bentuk **manifestasi pengiktirafan terhadap peranan dan sumbangan wanita** kepada pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.

SAMBUTAN HARI WANITA TAHUN 2025

Hadirin yang saya muliakan,

3. 8 Mac merupakan Hari Wanita Antarabangsa yang disambut setiap tahun sebagai simbolik penghargaan kepada wanita tanpa mengira latar belakang, etnik, bahasa, budaya, ekonomi mahupun pun politik.

LATAR BELAKANG

4. **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang pertama telah disambut oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1975.** Ini bermakna sambutan kali ini adalah sambutan kali ke-50 dan alhamdulillah, kita mencapai kemajuan besar dalam usaha memperjuangkan hak wanita, dengan perubahan positif dalam pendidikan, pekerjaan, dan kepemimpinan. Pencapaian ini terus memberikan inspirasi untuk memperkukuh usaha kesaksamaan gender daripada semua pihak.

OBJEKTIF

5. Sambutan Hari Wanita yang diraikan setiap tahun dilaksanakan untuk mencapai objektif berikut:

- (i) Menyediakan platform bagi mengiktiraf dan menghargai peranan wanita dalam pembangunan negara;
- (ii) Mendaya upaya peranan semua pihak dalam usaha memperkasakan wanita;

(iii) Menyebar luas maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat umum yang berkaitan dengan peluang penyertaan dalam pelbagai bidang, isu sejagat dan cabaran semasa khususnya yang berkaitan dengan wanita; dan

(iv) Mempamerkan komitmen Kerajaan untuk mengarusperdanakan kepentingan gender dalam aspek perancangan dan pembangunan negara.

TEMA DAN LOGO

6. Sebagai persiapan bagi sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025, Jabatan Pembangunan Wanita telah menganjurkan Pertandingan Mencipta Logo dan Tema yang berlangsung dari 1 Oktober 2024 hingga 18 Oktober 2024.

7. Sebanyak **69 penyertaan diterima** dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua peserta kerana menunjukkan minat yang mendalam bagi menyumbang kepada usaha memperkasakan wanita di negara kita. Setelah melalui proses penilaian yang teliti, hanya **satu pemenang yang dipilih** oleh Jawatankuasa Penilaian Pertandingan. Pemenang tersebut berhasil mencipta logo dan tema yang bertepatan dengan maksud dan aspirasi yang ingin kita sampaikan melalui sambutan Hari Wanita Antarabangsa

pada tahun ini iaitu “**WANITA BERASPIRASI MEMBINA LEGASI**”.

8. Tema pada tahun ini merujuk kepada semangat wanita untuk mencapai impian dan matlamat yang besar dalam kehidupan. Sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa dan agama, Malaysia turut berbangga melihat kemajuan yang dicapai oleh wanita dalam pelbagai bidang, daripada pendidikan, kepemimpinan, hingga sektor ekonomi dan sosial.

9. Namun begitu, perjalanan ini masih panjang dan memerlukan komitmen daripada semua pihak. Oleh itu, kita mesti memastikan wanita di Malaysia mendapat akses yang saksama dan bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi gender.
10. Tema ini juga mengangkat usaha wanita untuk mencipta perubahan yang berkekalan. Wanita tidak hanya memainkan peranan penting dalam keluarga, tetapi mereka

turut menjadi peneraju dalam pembangunan masyarakat dan negara. Wanita ialah tunjang kepada kemajuan dalam ekonomi, sosial, dan politik.

11. Hari ini, kita menyaksikan wanita di seluruh dunia berusaha untuk membentuk struktur yang lebih adil, saksama, dan progresif. Di Malaysia, semua pihak terus komited untuk menghapuskan sebarang bentuk kekerasan terhadap wanita serta menggalakkan lebih ramai wanita untuk

menduduki jawatan kepimpinan dan mengambil bahagian dengan aktif dalam proses pembuatan keputusan.

12. Logo yang bakal dilancarkan sebentar lagi merupakan **simbol harapan dan optimisme** yang menggambarkan usaha kita untuk terus bergerak ke arah pembangunan mampan dan inklusif.

13. Logo ini juga mencerminkan perpaduan dan semangat wanita di seluruh dunia yang sentiasa membara dalam

perjuangan mereka untuk membawa perubahan yang positif dalam kalangan masyarakat.

14. Selari dengan tema sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu **For ALL women and girls: Rights. Equality. Empowerment**, tema dan logo yang bakal dilancarkan ini menyeru supaya lebih banyak tindakan diambil untuk membuka peluang hak, kuasa, dan peluang yang sama rata serta mewujudkan masa depan yang inklusif.

ULANG TAHUN KE-30 DEKLARASI BEIJING 1995

15. Sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada tahun ini akan menjadi satu peringatan yang amat penting untuk kita terus memperkukuh usaha kita bagi memperkasakan wanita dan menghapuskan diskriminasi dalam segala bentuk. Sebagai negara yang menandatangani **Deklarasi Beijing pada tahun 1995**, Malaysia mengorak langkah untuk memastikan bahawa prinsip kesaksamaan gender dan hak asasi manusia terus ditegakkan.

16. Bersempena dengan **sambutan ulang tahun ke-30 deklarasi** ini, tema ini menegaskan kepentingan negara kita untuk memastikan kesinambungan segala usaha yang telah dimulakan serta hak dan peluang yang saksama, diberikan kepada wanita di seluruh dunia.

SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA - MALAYSIA

17. Suka juga saya kongsi di sini bahawa **Malaysia mula menyambut Hari Wanita Antarabangsa sejak tahun 1983. Bersempena dengan ulang tahun ke-42 pada kali**

ini, sambutan ini akan diperluas pada peringkat zon di lima negeri terpilih, iaitu **Perak, Negeri Sembilan, Johor, Kelantan dan Sarawak**. Selain Forum Perdana dan dialog antarabangsa, pelbagai program telah dirangka sepanjang bulan Februari ini untuk memeriahkan sambutan kali ini.

18. Program-program ini dirangka bertujuan untuk **meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kesaksamaan gender** dalam kalangan masyarakat setempat dan **menggalakkan sinergi antara pelbagai**

pihak iaitu agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta untuk memperjuangkan hak dan kebajikan wanita pada setiap peringkat.

19. Sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac tahun ini jatuh pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Untuk itu, kita mengolah pelaksanaan Sambutan Hari Wanita di peringkat zon bermula pada bulan Februari dan sambutan kemuncak pada 8 Mac 2025.

20. Semoga dengan pendekatan ini, kita dapat menyemarakkan lagi sambutan ini dengan penglibatan Kementerian turun ke lapangan bagi menyantuni kumpulan sasaran.

21. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada pihak korporat yang telah menunjukkan minat untuk berkolaborasi dengan

Kementerian ini dalam menjayakan Sambutan Hari Wanita tahun ini.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

22. Pada kesempatan yang ada ini, saya ingin menyeru semua pihak untuk bersama-sama memberikan sokongan yang padu kepada tema dan logo ini. Raikanlah peranan dan

sumbangan wanita dengan penuh penghormatan dan penghargaan. Sambutan Hari Wanita ini melambangkan usaha kami bagi mengiktiraf dan menyokong perjuangan wanita untuk mencapai kesaksamaan, keadilan, dan peluang yang setara.

Dengan lafaz bismillah, saya melancarkan logo dan tema Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2025.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

22 Januari 2025